



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	23 JULY 2016

1MDB satu bukti penipuan: Muhyiddin

Sinar Harian - 23/7/2016

SHAH ALAM - Pengumuman mengejutkan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat (AS) mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bukan sahaja kes sivil bertujuan merampas aset tetapi merupakan bukti penipuan oleh mereka yang dinamakan.



MUHYIDDIN

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jika 1MDB dan kerajaan Malaysia secara tegas mahu melindungi harta serta khazanah negara ini, tindakan segera mengikut undang-undang negara ini ke atas Malaysian Official 1, ahli perniagaan Jho Low, Riza Shahriz Abdul Aziz, anak tiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan nama-

nama lain dalam laporan Peguam Negara AS.

"Mereka telah mencuri wang milik 1MDB! Maka ia adalah suatu jenayah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, jika Najib seorang yang beramanah

dan bertanggungjawab, beliau sepatutnya ambil serius keputusan Peguam Negara AS dengan menghantar delegasi tertinggi kerajaan bagi dapatkan butiran terperinci.

"Najib perlu menubuhkan sebuah tribunal bebas bagi menyasat dan memulakan proses pendakwaan jenayah dengan kadar segera terhadap mereka didapati terlibat atau bersubahat dalam pemindahan wang haram berjumlah puluhan bilion ringgit

yang amat memalutkan negara.

"Najib juga sudah sepatutnya menghantar Peguam Negara Malaysia (Tan Sri Mohamed Apandi Ali) dan Ketua Polis Negara (Tan Sri Khalid Abu Bakar) ke AS untuk mendapatkan kerjasama negara itu agar tindakan undang-undang Malaysia yang sesuai boleh diambil. Najib juga sewajarnya telah mengarahkan Peguam Negara dan 1MDB segera menuntut wang yang dilaporkan dicuri daripada syarikat milik negara," katanya.

Pada kenyataan sama, Muhyiddin yang juga bekas Timbalan Presiden Umno, berpendapat raja-raja Melayu boleh bertindak jadi benteng terakhir hak rakyat dan negara.

"Majlis Raja-Raja Melayu tidak menyalahi mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia atas semangat raja-raja Melayu berbuat sesuatu bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.